



Analisis Fiqh bagi Jemaah Menyamar Berpakaian Ihram Semasa Tawaf Wada' dan Tawaf Sunat di Dataran Kaabah

Fiqh Analysis of Pilgrims Disguised in Ihram During Tawaf Wada' and Optional Tawaf at the Kaabah Courtyard

^{1,*} Lukmanul Hakim Hanafi

¹Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author. E-mail: lukmanul@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 15 July 2023
Received in revised form: 20 March 2024
Acceptance date: 26 April 2024
Available online: 27 June 2024

Keywords:

Tawaf Wada', Tawaf Sunat, Dataran Kaabah, Endemik COVID-19, Justifikasi, Hukum Fiqh

Funding:

These authors have no support or funding to report.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Lukmanul Hakim, H., (2024). Analisis fiqh bagi jemaah menyamar berpakaian ihram semasa tawaf wada' dan tawaf sunat di Dataran Kaabah: Fiqh analysis of pilgrims disguised in ihram during tawaf wada' and optional tawaf at the Kaabah Courtyard. *AL-MAQASID The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 5(1), 33-41. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v5i1.100>



© The Author(s) (2024). Published by Intelligenta Resources. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial

ABSTRACT

This study examines, based on Saudi Arabian law and Islamic jurisprudence, the status and rules of Tawaf Wada' and Optional Tawaf in the courtyard of the Kaabah for Hajj and Umrah pilgrims

fraudulently wearing Ihram clothes after the COVID19 pandemic. Documentation and observation methods were used to collect data, which were analysed through document analysis. The findings show that performing Tawaf Wada' and Optional Tawaf under such circumstances is prohibited, sinful and considered reprehensible behaviour that may jeopardise the acceptability and integrity of Hajj and Umrah as supported by Islamic jurisprudence, the Quran, the sayings of the Prophet Muhammad (SAW) and the objectives of Shariah. The Saudi government's decision to restrict tawaf in the Kaabah courtyard to Hajj pilgrims during the Hajj season and Umrah pilgrims is appropriate and consistent with Shariah to prevent difficulties, overcrowding, damage and the spread of diseases such as COVID-19 and influenza. This study is a guide for future Hajj and Umrah pilgrims to follow these regulations, recognise their wisdom and fulfil these religious duties with commendable behaviour in order to achieve an accepted and blessed Hajj and Umrah.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menerangkan dan menjelaskan bagaimana kedudukan dan hukum Tawaf Wada' serta Tawaf Sunat di Dataran Kaabah bagi jemaah haji dan umrah yang menipu memakai ihram ketika ini selepas berakhirnya Musim Pandemi COVID-19 dari penguatkuasaan undang-undang Kerajaan Arab Saudi dan perspektif fiqh. Bagi mencapai objektif penulisan ini, metode dokumentasi dan temu bual telah digunakan untuk mengumpul data. Data dianalisis menggunakan metode analisis dokumen. Kajian mendapati hukum menunaikan Tawaf Wada' dan Tawaf Sunat di Dataran Kaabah bagi jemaah haji dan umrah yang menipu memakai ihram ketika ini adalah haram, berdosa serta termasuk dalam adab dan akhlak *mazmumah* dan dikhuatiri akan mengganggu kemabruran haji dan umrah berdasarkan Fiqh, al-Quran, hadis Rasulullah saw dan Maqasid Syariah. Manakala justifikasi dan keputusan yang diputuskan oleh undang-undang kerajaan Arab Saudi yang membenarkan tawaf di Dataran Kaabah hanya untuk jemaah haji pada musim haji sahaja dan jemaah umrah bagi yang menunaikan ibadat umrah sahaja adalah tepat dan selari dengan syarak bagi mengelakkan kesulitan, kesesakan kemudahan serta penularan penyakit-penyakit berjangkit, COVID-19 dan Influenza yang mana mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Diharapkan, hasil penulisan ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada bakal-bakal jemaah haji dan umrah yang akan datang agar dapat mengikuti dan mentaati undang-undang Tawaf Wada' dan Tawaf Sunat yang ditetapkan oleh *ulil amri* iaitu pemerintah Kerajaan Arab Saudi dan meyakini hikmahnya dalam melaksanakan ibadat haji dan umrah berdasarkan akhlak mahmudah seterusnya memperoleh haji dan umrah yang mabrur.

Pendahuluan

Larangan Tawaf Wada' dan Tawaf Sunat di Dataran Kaabah ini bermula tatkala tindakan kerajaan Arab Saudi mengumumkan tidak membenarkan jemaah haji dari seluruh dunia yang tinggal di luar negaranya menunaikan ibadat haji pada musim haji 2020 yang lalu di Tanah Suci Mekah melainkan hanya membenarkan 10,000 jemaah Haji yang tinggal di dalam negara Arab Saudi sahaja yang boleh menunaikan ibadat haji pada tahun tersebut. Kemuncak rasa kekecewaan jemaah haji dunia ini sekali lagi terpancar apabila Kerajaan Arab Saudi sekali lagi mengumumkan buat tahun kedua berturut-turut bahawa jemaah haji dunia yang tinggal di luar negaranya sekali lagi tidak dibenarkan menunaikan ibadat haji pada musim Haji 2021 di Tanah Suci Mekah melainkan Kerajaan Arab Saudi hanya membenarkan 60,000 jemaah Haji yang tinggal di dalam Negara Arab Saudi sahaja yang boleh menunaikan ibadat haji pada tahun tersebut. Ini bermakna pada kedua-dua tahun iaitu tahun 2020 dan tahun 2021 tiada ibadat umrah dibenarkan sama ada Jemaah di dalam negara Arab Saudi mahu pun jemaah dari seluruh dunia.

Namun begitu, pada Musim Haji 2022, Kerajaan Arab Saudi telah membuka kembali pintu sempadannya, apabila membenarkan jemaah haji dunia menunaikan ibadat Haji buat kali pertama selepas hampir dua tahun tiada ibadat Haji bagi Jemaah Dunia yang tinggal di luar Negara Arab Saudi. Namun begitu Kuota yang dibenarkan bagi setiap negara adalah kecil iaitu separuh sahaja dari Kuota 0.1% yang dibenarkan oleh OIC. Ini sebagai langkah berjaga-jaga Kerajaan Arab Saudi dalam mengawal kehadiran Jemaah Dunia yang ramai di samping bimbang jangkitan penyakit Covid-19 kembali menular. Bagi negara Malaysia, Maka Kuota yang diperolehi pada ketika itu



adalah 16, 400 termasuk Kuota tambahan. Jumlah kehadiran Jemaah Dunia menunaikan ibadat Haji pada tahun 2022 adalah lebih kurang 876 000 tidak lebih 1 juta jemaah.

Walaupun Kerajaan Arab Saudi telah kembali membuka pintu sempadannya kepada jemaah dari seluruh dunia untuk menunaikan ibadat haji dan umrah, namun beberapa undangundang baru ketika melaksanakan ibadat haji dan umrah telah diperkenalkan. ini adalah bertujuan untuk mengekang jangkitan penyakit COVID-19 kembali menular di kalangan jemaah haji dan umrah. Antaranya jemaah haji dan umrah hanya dibenarkan beribadat di Dataran Kaabah ketika menunaikan ibadat rukun dan wajib haji dan umrah sahaja. Manakala bagi jemaah yang tidak melakukan ibadat haji dan umrah tetapi ingin beribadat di Masjidil Haram, maka pihak berkuasa Arab Saudi hanya membenarkan beribadat di dalam Masjidil Haram sahaja termasuk di tingkat 1, 2 dan 3 kecuali Dataran Kaabah.

Pada bulan Ogos tahun 2022, iaitu selepas pulang semua Jemaah Haji Dunia dan berakhir Musim Haji 2022. Lahirlah khabar gembira bagi seluruh seluruh Umat Islam, apabila Kerajaan Arab Saudi telah mengotakan janjinya dengan kembali membuka secara rasmi pintu sempadan negaranya bagi menyambut Umat Islam yang ingin melakukan ibadat Umrah. Namun begitu, ianya perlu dibayar dengan harga yang mahal apabila syarat baru mula diperkenalkan. Syarat baru dan permasalahan ini mula timbul akibat daripada langkah berani keputusan Kerajaan Arab Saudi yang mengumumkan dan memutuskan mulai bulan Ogos musim Umrah 2022, hanya jemaah yang memakai ihram untuk menunaikan ibadat umrah sahaja dibenarkan masuk ke Dataran Kaabah sama ada untuk bertawaf umrah, solat sunat tawaf, solat-solat sunat atau solat fardu apabila waktu telah masuk dan azan berkumandang, berzikir, melihat Kaabah, berdoa dan lain-lain yang berkaitan ibadat umrah. Manakala ibadat lain selain daripada menunaikan ibadat umrah seperti tawaf sunat, *tawaf wada'*, *tawaf tahiyatul bait* atau tawaf menghormati Kaabah, solat fardu, beriktikaf dan lain-lain tanpa ihram umrah maka adalah dilarang.

Pada peringkat awal pelaksanaan undang-undang ini iaitu di awal musim umrah 2022 sekitar bulan Ogos, September, Oktober dan November, ianya berjalan sangat lancar kerana Jemaah Umrah Dunia mematuhi arahan dan undang-undang tersebut. Ini dapat dilihat, kesan dari pelaksanaan undang-undang baru ini, apabila Dataran Kaabah dilihat sangat luas dan tidak berlaku kesesakan atau Jemaah yang bertawaf tidak ramai seperti mana pada zaman sebelum COVID-19 dahulu. Namun begitu, kepatuhan ini tidak berpanjangan, hasil dari data serta pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik mendapati, mula timbulnya permasalahan jemaah dari seluruh dunia mula menipu memakai ihram dan menyamar sebagai jemaah umrah menunaikan ibadat umrah di Dataran Kaabah.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Tawaf bermaksud mengelilingi kaabah dengan syarat-syarat sahnya berserta dengan amalan-amalan sunatnya. tawaf umrah ialah tawaf rukun yang mesti dilakukan oleh orang yang mengerjakan umrah, sekiranya tidak dilakukan, maka tidak sah ibadat umrahnya. *Tawaf wada'* ialah tawaf selamat tinggal yang wajib dilakukan bagi mereka yang hendak meninggalkan Makkah lebih dari dua *marhalah* iaitu lebih kurang 56 batu atau 91 kilometer dan lebih. Seseorang yang melaksanakan ibadat haji dan umrah seharusnya menghindarkan dirinya daripada melakukan dosa dan perkara yang dilarang. Ini adalah kerana dibimbangi akan mengurangkan



pahalanya dan mengganggu kemabruran haji dan umrahnya. Hal ini seperti mana permasalahan merokok yang dilakukan oleh jemaah haji ketika tinggal dan melakukan ibadat haji di Tanah Suci Mekah yang mana di sebut dalam Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan pada tahun 2009 iaitu ianya berdosa dan mengganggu kemabruran Hajinya. Ini adalah kerana merokok itu adalah haram dalam Fatwa di Malaysia dan kebanyakan negara lain di dunia. Melakukan sesuatu ibadat yang wajib dan bercampur dengan perbuatan dosa adalah ditegah.

Hasil daripada pemerhatian penyelidik pada Musim Haji 2022 (Jun – Ogos 2022) dan Musim Haji 2023 (Jun – Ogos 2023) serta pemerhatian terhadap ibadah umrah pada awal September 2022, Disember 2022, Mac 2023 dan November 2023, dan temu bual yang dijalankan, beberapa perkara dapat disimpulkan. Apabila ditanya kepada penguat kuasa Masjid mengapa mereka membenarkan jemaah yang menyamar pakai ihram masuk ke laluan Dataran Mataf Kaabah sedangkan jelas mereka menyamar memakai ihram kerana di antara mereka nampak jelas di sebalik ihram ada bayang-bayang memakai seluar, ada memakai pakaian berjahit di dalam kain ihram dan juga memakai sepatu bertutup penuh. Adakah pihak berkuasa Arab Saudi membenarkan perkara tersebut iaitu perbuatan menyamar. Soalan ini sangat penting kerana di depan pintu laluan pemeriksaan jelas terpapar perkataan “*muharram only*” iaitu hanya dibenarkan jemaah yang memakai ihram sahaja yang dibenarkan masuk. Kita bimbang Jemaah akan keliru apakah maksud “*muharram only*”. Adakah ianya bermaksud asalkan orang yang pakai ihram walau pun menyamar tetap boleh masuk ke Dataran Mataf Kaabah. Dapatan daripada temu bual yang dilakukan kepada penguat kuasa di pintu masuk Masjidil Haram adalah seperti berikut;

- i. Perkataan “*muharram only*” yang dilekatkan di pintu masuk ke Dataran Mataf Kaabah adalah bermaksud jemaah yang berihram umrah atau haji, bukanlah bermaksud dibenarkan seseorang yang tidak melakukan umrah dan haji menyamar memakai ihram dan dibenarkan masuk ke Dataran Mataf Kaabah.
- ii. Perkataan “*muharram only*” seperti mana termaktub dalam kitab fiqh, iaitu bermaksud orang yang berihram melaksanakan ibadat haji dan umrah, tiada sesiapa yang memakai ihram untuk ke pejabat, membawa teksi atau melakukan tugas harian.
- iii. Pihak berkuasa Masjidil Haram tahu ramai jemaah dunia termasuk dari negara Malaysia yang menyamar memakai ihram masuk ke Dataran Mataf Kaabah semata-mata ingin duduk serta beribadat di hadapan Kaabah. Mereka tidak mampu menahan kesemuanya kerana jumlah jemaah dari seluruh dunia yang ramai sedangkan mereka hanya ada empat ke lima anggota di setiap pintu. Mereka tidak mampu menahannya serta melepaskan mereka dengan niat mereka betul-betul dalam ihram. Namun begitu pihak berkuasa Masjidil Haram memaklumkan, jika jemaah menipu termasuk jemaah dari Malaysia, maka itu adalah perhitungan mereka dengan Allah swt.

Kajian mendapati, keadaan telah berubah, apabila Dataran Kaabah dilihat seperti tiada penghujungnya apabila jemaah tetap ramai dan sesak. Kesemua mereka memakai ihram tidak kira pada waktu subuh sampailah ke subuh pada keesokan harinya. Ini yang menjadikan keadaan pelik kerana bagaimana jemaah boleh padat walaupun undang-undang telah diperkenalkan.



Selepas diamati, maka didapati umrah dan haji termasuk jemaah Malaysia melakukan penipuan. Permasalahan ini berlaku kerana mereka tidak mahu beribadat di dalam Masjidil Haram, tetapi sebaliknya tetap memilih mahu beribadat di Dataran Kaabah dengan alasan jika tawaf wada', tawaf sunat, solat fardhu atau ibadat sunat yang lain dilakukan di Dataran Kaabah, maka ianya lebih dekat dengan Kaabah, jimat waktu iaitu sekitar 20 hingga 30 minit sahaja dan cepat habis tawaf serta lebih khusyuk, berbanding solat dan tawaf di dalam Masjidil Haram yang mana ianya lebih jauh dari Kaabah dan mengambil masa yang lama iaitu kira-kira satu jam atau lebih untuk menghabiskan tujuh pusingan tawaf.

Hal ini seperti membelakangkan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan pihak berkuasa Masjidil Haram. Mereka telah menyamar dan menipu dengan memakai ihram, seolah-olah mereka seperti mahu menunaikan ibadat umrah. Selepas berjaya memperdayakan pihak berkuasa penjaga pintu Masjidil Haram dan telah sampai ke Dataran Kaabah, mereka tidak melakukan ibadat umrah, sebaliknya melakukan ibadat lain seperti *tawaf sunat*, *tawaf wada'*, solat berjemaah, duduk melihat Kaabah sambil berdoa dan berzikir dan lain-lain. Ini ternyata jelas melanggar perintah Kerajaan Arab Saudi sebagai *ulil amri* yang disebut dalam Al-Quran, dan melanggar hadis Rasulullah saw yang melarang jemaah haji dan umrah melakukan dosa ketika mengerjakan ibadat di Tanah Suci Mekah di samping melanggar undang-undang yang ditetapkan.

Dalam isu ini, jemaah sepatutnya mentaati undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pemerintah Kerajaan Arab Saudi iaitu bagi jemaah yang tidak melakukan ibadat umrah atau haji, tetapi ingin melakukan ibadat selain ibadat umrah dan haji seperti *tawaf sunat* dan *tawaf wada'*, maka hendaklah melaksanakannya di tingkat 1 atau 2 atau juga di tingkat 3 di dalam Masjidil Haram dan tidak menipu melakukannya di Dataran Kaabah. Manakala kedudukan dan hukum jemaah yang sengaja menipu memakai ihram ketika melakukan *tawaf wada'* dan *tawaf sunat* di Dataran Kaabah dengan sengaja melanggar perintah pihak berkuasa Arab Saudi adalah berdosa dan dibimbangi akan mengganggu kemabruran ibadat haji dan umrahnya.

Sultan atau pemerintah merupakan tonggak utama dalam sesebuah negara. Tanpa mereka, keadaan masyarakat di negara tersebut akan menjadi huru-hara kerana tidak ada orang yang bertanggungjawab untuk menguruskan haji dan umrah. Terdapat banyak dalil menunjukkan wajib taat kepada pemimpin antaranya adalah firman Allah dalam Surah an-Nisa ayat 59 yang bermaksud:

Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nabi Muhammad) serta ulul amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, kembalikanlah kepada Allah (AlQur'an) dan Rasul (sunnahnya) jika kamu beriman kepada Allah dan Hari Akhir. Yang demikian itu lebih baik (bagimu) dan lebih bagus akibatnya (di dunia dan di akhirat)."

Orang yang mengerjakan haji dan umrah tanpa cacat cela melakukan dosa dan melanggar perintah Allah swt serta mengikut segala syarat, rukun, wajib dan adab haji, akan bersih dari segala dosanya sama seperti bayi yang baru dilahirkan.



Terjemahan: "Sesiapa mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan rafath (زَفَثٌ) (iaitu larangan bercampur dengan isteri termasuk juga segala yang menimbulkan nafsu berahi, sama ada dengan perbuatan atau perkataan) dan fusuq (فَسُوقٌ) (iaitu larangan maksiat, termasuk segala yang dilarang dalam masa mengerjakan haji seperti berburu dan lain-lain) jadilah keadaan dirinya bersih seperti baru dilahirkan oleh ibunya".

(Riwayat al-Bukhari, 1820; Muslim, 1350)

Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi suruhan taat kepada pemerintah disertakan dengan ketaatan kepada Allah dan juga ketaatan kepada Rasulullah saw. Hal ini menunjukkan bahawa ketaatan kepada pemerintah perlulah pemerintah itu didasari dengan ketaatan kepada Allah dan Rasulullah saw supaya dengan itu masyarakat akan terpelihara dengan keimanan dan daripada penindasan terhadap rakyat di bawahnya. Justeru itu, setiap pemerintah itu dituntut untuk menunaikan amanah dengan sempurna dan setiap pemerintah itu juga dituntut agar mereka sentiasa mentaati Allah dan Rasul-Nya. Sekiranya ini tidak berlaku, maka mereka itu akan digelar sebagai pemerintah yang zalim. Daripada Abi Bakrah RA, bahawa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: Sultan (pemerintah) merupakan bayangan Allah di bumi. Barangsiapa yang memuliakannya maka Allah memuliakannya dan barangsiapa yang menghinanya maka Allah akan menghinanya. [Riwayat al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Iman (6988)] [Hadith ini dinilai sahih oleh Imam al-Suyuthi di dalam al-Jami' al-Saghir, 496/1]

Dalam situasi ini, sebagai umat Islam amat penting untuk kita bersikap *tabayyun* iaitu mendapatkan penjelasan dan bersangka baik terhadap segala tindakan yang diambil oleh pihak pemerintah Arab Saudi. Kedudukan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pemimpin dan pemerintah Kerajaan Arab Saudi iaitu hanya jemaah umrah dan haji sahaja yang boleh berada di Dataran Kaabah bagi mengelakkan kesesakan dan penularan penyakit COVID-19 serta Influenza bukanlah satu keputusan yang mudah melainkan sudah tentu didatangkan dengan alasan dan justifikasi yang benar-benar kukuh. Dalam menetapkan sesuatu keputusan, pemerintah Arab Saudi sentiasa akan mengambil kira kemaslahatan umum rakyatnya.

Kaedah menyebut *tasarrafa' al-imam 'ala al-ra'iyat manutun bi al-maslahah* yang bermaksud polisi pemerintah terhadap rakyatnya hendaklah berasaskan kepada maslahat dan *al-maslahah al'ammah tuqddam 'ala al-maslahah al-khassah*, yang bermaksud maslahat umum hendaklah didahulukan daripada maslahat khas. Para ulama' menetapkan bahawa segala tindakan yang ditetapkan oleh pihak pemerintah wajib didasari dengan maslahat dan kebaikan terhadap masyarakat umum seluruhnya; iaitu rakyat yang berada di bawah tadbir urusnya. Sekiranya tindakan tersebut bertentangan dengan tujuan dan objektif yang asal, maka tindakan tersebut dianggap tidak sah dan tidak terpakai dari sudut syarak (Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, 2/308).



Melihat kepada kaedah yang kritikal ini, tindakan drastik yang diambil pihak kerajaan Arab Saudi bagi menyekat Jemaah yang tidak menunaikan ibadat Umrah dan Haji beribadat di Dataran Kaabah adalah bersandarkan kepada masalah dan kepentingan umum agar dapat mengurangkan risiko penyebaran wabak COVID-19 dan Influenza daripada bertambah lebih teruk. Dalam isu melarang jemaah yang tidak melakukan ibadat umrah dan haji beribadat di Dataran Kaabah melainkan hanya di dalam Masjidil Haram dan sekitarnya sahaja seterusnya hanya membenarkan Jemaah yang melakukan ibadat Umrah dan Haji sahaja beribadat di Dataran Kaabah. Terdapat beberapa kaedah yang disebutkan oleh fuqaha dalam berinteraksi dengan perkara yang boleh membawa kepada kemudaratan. Antaranya seperti *la darar wa la dirar*, *al-darar* dan *al-darar tudfa' biqar al-imkan*. Syeikh al-Zarqa menjelaskan bahawa mudarat hendaklah ditolak dengan semampu yang boleh. Jika boleh ditolak keseluruhannya, maka lakukanlah. Sebaliknya, jika tidak mungkin, maka hendaklah mengikut kadar .

Dalam menangani penularan wabak COVID-19 dan Influenza yang boleh tersebar melalui tempat yang sesak, kebenaran hanya kepada jemaah yang menunaikan umrah dan haji sahaja yang boleh beribadat di Dataran Kaabah adalah bertepatan dengan kaedah-kaedah di atas bagi membendung wabak tersebut daripada tersebar semula atau berkembang semula, sama ada dalam kalangan jemaah haji dan umrah tempatan mahupun dari seluruh negara lain. Kaedah tersebut sebagaimana kaedah yang dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW yang masyhur:

Terjemahan: Jika kamu mendengar penyakit taun melanda di suatu kawasan, janganlah kamu masuk ke kawasan tersebut. Dan jika kamu berada di kawasan tersebut, maka janganlah kamu keluar dari situ. Riwayat al-Bukhari (5728), Muslim (2218) dan Ahmad (21860)

Hadith ini menunjukkan pemerintah boleh mengambil tindakan kuarantin atau sebarang sekatan agar penyakit atau wabak tidak tersebar. 'Abd al-Rahman bin 'Auf R.A pernah menyebutkan hadith ini kepada Khalifah 'Umar bin al-Khattab ketika beliau bercadang pergi ke Syam semasa wabak taun sedang merebak di sana. Mendengar hadith ini, Amirul Mukminin 'Umar al-Khattab membatalkan hasratnya.

Kaedah *fiqh al-aulawiyat* (*dar'u al-mafasid muqaddam 'ala al-jalbi al-masalih*) yang bermaksud menolak kemudaratan itu hendaklah didahulukan daripada mendapatkan masalah. Apabila berlaku pertembungan antara memperoleh kebaikan dan menolak kemudaratan, maka perlu diutamakan menolak kemudaratan. Dalam isu penularan semula wabak COVID-19 dan Influenza pada musim haji dan umrah tahun ini, maka perlu didahulukan menolak kemudaratan iaitu dengan melarang jemaah yang tidak melakukan ibadat umrah dan haji beribadat di Dataran Kaabah melainkan hanya di dalam Masjidil Haram dan sekitarnya sahaja seterusnya hanya membenarkan jemaah yang melakukan ibadat umrah dan haji sahaja beribadat di Dataran Kaabah. Hal ini disebabkan kemudaratan yang ada bersifat pasti atau sangkaan kuat iaitu boleh menggugat nyawa dan kesihatan jemaah lain. Dalam masa yang sama, ibadat selain dari *tawaf wada'* dan tawaf sunat boleh dilakukan di dalam Masjidil Haram tanpa perlu pergi ke Dataran Kaabah.



Al-daruriyyat al-khamsah dalam Maqasid Syariah iaitu keperluan yang manusia bergantung kepadanya sama ada dari sudut kehidupan beragama atau keduniaan. Jika ia tidak ada, maka akan berlaku kekurangan dan ketidaksempurnaan hidup manusia di dunia dan azab seksa di akhirat. *Al-daruriyyat* yang asasi ini merangkumi lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Ia melibatkan kelangsungan hidup manusia. Menjaga nyawa merupakan prinsip yang kedua terpenting mengikut urutan keutamaan untuk dijaga selepas memelihara agama. Dalam isu melarang jemaah yang tidak melakukan ibadat umrah dan haji beribadat di Dataran Kaabah melainkan hanya di dalam Masjidil Haram dan sekitarnya sahaja seterusnya hanya membenarkan jemaah yang melakukan ibadat umrah dan haji sahaja beribadat di Dataran Kaabah. Ia dilakukan bagi menyelamatkan jemaah daripada risiko terkena atau berjangkit penyakit COVID-19 yang boleh menyebabkan kematian atau masalah kesihatan yang berat seperti paru-paru dan jantung. Ia sesekali tidak membelakangkan prinsip pertama iaitu memelihara agama. Ini kerana, pelaksanaan ibadah haji dan umrah hanya diwajibkan dalam keadaan memiliki *istitha'ah* atau kemampuan. Dalam keadaan seseorang tidak mampu melindungi keselamatan dirinya atau menghindarkan dirinya daripada penyakit tersebut, maka ia tidak lagi termasuk dalam kategori golongan yang berkemampuan.

Bagi jemaah haji, kawasan Dataran Mataf Masjidil Haram adalah hanya bagi mereka yang hendak melakukan tawaf umrah atau (*lil muktamirin*) atau tawaf haji. Jemaah haji Malaysia yang tidak berihram haji atau umrah adalah dinasihatkan tidak memasuki Dataran Mataf tersebut untuk tujuan tawaf sunat, solat atau ibadat yang lain kerana perbuatan tersebut adalah:

- i. Tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi.
- ii. Tidak bertepatan dengan adab dan akhlak *mahmudah*.
- iii. Menambah kesesakan Dataran Mataf Kaabah.

Bagi jemaah haji yang berhasrat untuk tawaf sunat apabila memasuki Masjidil Haram tetapi tidak mampu untuk melakukannya di tingkat atas, maka dinasihatkan melakukan solat *tahiyatul masjid*.

Kesimpulan

Justeru, dapat disimpulkan, seperti mana di sebut di atas dalam Muzakarah Haji Kebangsaan 2022 menyatakan, dalam menjaga adab *mahmudah*, maka Jemaah Haji dinasihatkan tidak melakukan *tawaf wada'* dan ibadat sunat yang lain di Dataran Mataf Kaabah bagi mentaati keputusan Kerajaan Arab Saudi di samping mengelakkan *masyaqqah* di Dataran Mataf Kaabah serta mengekang wabak penyakit Covid-19 dari kembali menular. Melakukan satu ibadat yang baik seperti melaksanakan ibadat haji dan umrah tetapi dalam masa yang sama melakukan dosa yang sengaja dengan menipu menyamar memakai ihram walaupun pada hakikatnya tidak melaksanakan ibadat umrah dan haji tetapi sebaliknya mahu bersenang-senang beribadat di depan Kaabah di Dataran Mataf adalah berdosa dan dibimbangi akan mengganggu kemabruran haji dan umrahnya. Sesungguhnya dalam Islam, matlamat tidak menghalalkan cara. Bagi jemaah yang sakit atau uzur tetapi mahu melakukan *tawaf sunat* atau *tawaf wada'*, maka dinasihatkan tidak melakukan penipuan. Ini kerana pihak berkuasa Arab Saudi telah menyediakan perkhidmatan kereta atau motor elektrik dan juga perkhidmatan upah kerusi roda di Masjidil Haram. Bagi yang tidak mampu dengan kewangan,



maka bolehlah minta bantuan keluarga atau rakan sebilik meminjam kereta sorong yang disediakan oleh pihak hotel, syarikat pelancongan atau waqaf yang disediakan untuk menolaknya di Masjidil Haram. Semoga dengan keikhlasan dan kejujuran kita dalam beribadat dilihat dan dipandang Allah swt dan seterusnya dikurniakan haji dan umrah yang mabrur.

Rujukan

- Al-Bakri, Zulkifli. (2011). *Kitab Taudih Syarah al-Idoh Manasik al-Hajj wal-Umrah*. Bangi: Darul Syakir.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu abdullah. (1987). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut. Dar Ibnu Kathir.
- al-Burnu, Muhammad Sidki Ahmad. (1996). *al- Wajiz fi Idhah Qawaid al-Fiqh al-Kulliyah*. Beirut. Muassasatu ar-Risalah.
- al-Burnu, Muhammad Sidki Ahmad. (1997). *Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Riyadh. Maktabah at-Taubah.
- Al-Khin. Mustafa, al-Bugha, Mustafa, al-Syarbaji, Ali. (2004). *Fiqh Al-Manhaji Ala Mazhab Imam As-Syafi'i*. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri. Negeri Sembilan.
- Al-Makki, Abdul Fatah Hussain. (1995). *Kitab I'doh Fi Manasik Al-Hajj Wal-Umrah*. Cetakan 3. Makkah. Maktabah Al-Imdadiah.
- Al-Munziri, Abdul Azim. (1968). *Al-Tarhib Wa At-Tarhib*. Mesir: Dar Ihya al-Turath Al-Arabi Al-Nadwi, Ali Ahmad. (2000). *Al-Qawaid Al-Fiqhiah*. Damsyik: Dar Qalam.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf. *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Beirut. Lubnan. Dar Kutub al-Ilmiah.
- Al-Qusyairi. Muslim Al-Hujjaj Abu Hussain. (t. th.) *Sahih Al-Muslim*. Bierut: Dar Ihya AlTuras.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1999). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Assubki, Imam Tajuddin Taqiyuddin. (1411-1441M) *.Al-Asyhbah wa al-Nazair*. Beirut: Lubnan. Dar Kutub al-Ilmiah.
- Zaidan, Abdul Karim. (1993). *Al-Wajiz Fi-Usul Al-Fiqh*. Kaherah: Dar Tauzik Wa Nashru AllIslamiah.
- Zarqa, Ahmad. (1983). *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar Gharb al-Islami.

* Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on Al-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. Al-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.